

25 MAY 2003

Renang-Rekod

ABDUL MALIK BERJAYA TAMATKAN RENANGAN DALAM MASA 14 JAM

LANGKAWI, 25 Mei (Bernama) -- Perenang Abdul Malik Mydin tiba di Dataran Lang di sini 11.48 pagi ini bagi menamatkan cabaran renang Kuala Perlis-Pulau Langkawi 2003 sejauh 48 km dengan mengambil masa 14 jam 3 minit.

Ketibaan beliau disambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan 1,000 penduduk Langkawi yang datang semata-mata untuk memberi semangat kepada perenang berusia 28 tahun itu.

Beliau dilepaskan dari Jeti Kuala Perlis 9.45 malam tadi oleh Dr. Mahathir.

Pada awalnya beliau dijangka akan mengambil masa 20 jam untuk menamatkan renangan itu dan kejayaan tiba lebih awal itu sangat membanggakan perenang itu.

Selepas kejayaan itu, Abdul Malik akan cuba pula mencatatkan satu lagi rekod "Cabaran Selat Inggeris" iaitu berenang merentasi Selat Inggeris dari Dover, England ke Cap Gris Nez, Calais, Perancis sejauh 32.8 km.

Kejayaan itu akan dicatatkan dalam The Malaysia Book of Records.

Sebelum ketibaan perenang itu, Dr Mahathir dengan menaiki bot Jabatan Perikanan telah pergi menghampiri Abdul Malik bagi memberikan sokongan moral.

Sementara orang ramai yang mengetahui bahawa perenang itu akan tiba lebih awal daripada jadual asal iaitu 3 petang ini, mula memenuhi Dataran Lang itu.

Sejurus menjejakkan kaki ke darat Abdul Malik terus memeluk Dr Mahathir dan kelihatan sebak kerana terlalu gembira menamatkan renangan yang mencabar mental dan fizikal itu.

Dr Mahathir ketika berucap pada majlis sambutan perenang itu mengucapkan tahniah atas kejayaan Abdul Malik dan bersyukur kerana selepas lebih 14 jam mengharungi suasana gelap dan sejuk, perenang itu berjaya mencipta satu lagi kejayaan.

Dr Mahathir juga berkata kejayaan itu adalah kejayaan seluruh negara.

Perenang kelahiran Pulau Pinang itu sebelum ini telah menyertai acara renangan jarak jauh antaranya menduduki tempat ke-15 pada Renang Maraton Antarabangsa Sri Chinmoy, Zurich pada Ogos tahun lepas yang meliputi jarak sejauh 26 km.

Beliau juga mencatatkan nama dalam The Malaysia Book of Records atas kejayaannya berenang sejauh 11km dari Jeti Bukit Tambun ke Pulau Aman, Pulau Pinang dengan mengambil masa 4 jam 6 minit pada 4 Mei 2001.

Mengenai cabaran Selat Inggeris itu, beliau dijangka akan melaksanakan misi sukar itu sama ada akhir Julai atau awal Ogos.

Cabaran merentasi Selat Inggeris itu amat mencabar kerana suhu yang agak sejuk iaitu antara 14-18 darjah celcius dan beliau hanya dibenarkan memakai pakaian renang biasa.

Abdul Malik sedang menjalani latihan di bawah bimbingan beberapa jurulatih berpengalaman dalam sukan renang maraton di laut terbuka dan Selat Inggeris iaitu Alison Streeter dan John Van Wise dari Australia.

-- BERNAMA

MZM ZI RHM